

09 MAY 2002

MAHATHIR-GAS/I

KERAJAAN TIMBANG ALTERNATIF TERUSKAN PROJEK PAIP GAS MSIA-THAI

KERTIH, 9 Mei (Bernama) -- Kerajaan sedang menimbang satu alternatif untuk menyelesaikan masalah yang dihadapi oleh Petronas untuk meneruskan projek bersama laluan paip gas Malaysia-Thailand, kata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, hari ini.

Kerajaan mungkin akan mengalih laluan paip gas itu ke sempadan Malaysia daripada yang terdapat dalam pelan awal, katanya ketika mengulas tentang penangguhan projek yang menghubungkan laluan paip gas di bawah Kawasan Pembangunan Bersama di Teluk Siam.

Ia ditangguhkan ekoran bantahan kumpulan-kumpulan pencinta alam sekitar di Thailand. Kumpulan berkenaan mendakwa projek itu akan memberi kesan kepada sistem ekologi di kawasan itu.

Peringkat pertama projek itu yang dianggar akan menelan belanja AS\$1 bilion, dijadualkan bermula tahun lepas.

"Saya fikir mungkin ada penyelesaian (kepada masalah itu)... Jika ia tidak dalam dibuat di sempadan Thailand, ia boleh lalu di sempadan kita," katanya.

Dr Mahathir berkata Malaysia dan Thailand telah memeterai perjanjian untuk projek itu dan sebarang perubahan akan mempengaruhi fasal-fasal yang berbeza dalam perjanjian itu.

Bulan lepas, Petronas yang mempunyai ekuiti 50 peratus dalam projek itu, menyatakan yang ia bersedia untuk meneruskannya bersendirian.

Sementara itu, ditanya tentang tindakan Telekom Malaysia membeli saham tambahan dalam Technology Resources Industries, Dr Mahathir berkata: "Saya tidak tahu... Saya rasa jika ia mencecah 33 peratus pegangan saham, mereka perlu membuat tawaran umum." -- BERNAMA

MRA SHY JR